

LATIHAN BAB 3: KELESTARIAN ALAM SEKITAR

1. Padankan gambar dengan pernyataan yang betul



Pembakaran bahan api fosil daripada kenderaan adalah menjadi punca utama pembebasan gas karbon dioksida.

Antara kesan pemanasan global ialah ais di kutub mencair.

Bangunan bercermin memantulkan sinar matahari dari satu bangunan ke bangunan yang lain mewujudkan kesan haba dan suhu sekeliling meningkat.

Pembuangan sampah sarap yang tidak terurus boleh menyebabkan pencemaran tanah

Aktiviti ini membebaskan gas toksik seperti sulfur dioksida dan nitrogen dioksida yang menyebabkan hujan asid

Hakisan tanah yang berlaku boleh dicegah sekiranya hutan tidak ditebang secara berleluasa.

2. Lengkapkan pernyataan berikut:

Eutrofikasi berlaku apabila air dicemari dengan kandungan fosfat dan yang tinggi. Ia menyebabkan tumbuh dengan pesat di permukaan Ini menghalang daripada sampai ke dasar kolam. Akibatnya, tumbuhan di dalam air mati kerana tidak dapat menjalankan prosesTumbuhan yang mati ini akan Proses penguraian ini menggunakan di dalam air. Kepekatan oksigen dalam air akan menyebabkan haiwan juga mati. Keperluan oksigen biokimia (BOD) Kesimpulannya, air yang tercemar mempunyai nilai BOD yang

berkurang	tinggi	bertambah	nitrat	mereput
cahaya matahari	kolam	fotosintesis	alga	oksigen

3. Tandakan/ pada pernyataan yang betul.

a.	Pemuliharaan alam sekitar ialah cara-cara untuk tidak mengganggu keseimbangan alam sekitar.	
b.	Teknologi emisi negatif adalah untuk mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida ke atmosfera.	
c.	Penggunaan teknologi mikroalga marin adalah salah satu kaedah teknologi emisi negatif.	
d.	Kenderaan hibrid menggunakan bahan api fosil	
e.	Teknologi solar menukarkan tenaga cahaya kepada tenaga elektrik	
f.	Biodiesel ialah sumber tenaga yang boleh diperbaharui	
g.	Antara ciri bangunan hijau ialah menggunakan tenaga dengan cekap, menjimatkan kos bahan dan sumber serta membebaskan haba ke persekitaran.	